

08/01/2002

Kerajaan tetap kekalkan dasar tambatan ringgit

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan berganjak daripada dasar untuk terus menambat kadar ringgit pada RM3.80 bagi satu dolar Amerika bagi mengelak kejadian seperti menimpa mata wang peso Argentina.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu mempermainkan kadar pergerakan ringgit semata-mata untuk `menyedapkan selera pihak tertentu' meskipun ia boleh menurun atau menaikkan nilainya pada bila-bila masa.

"Orang ingat memandangkan kerajaan mempunyai kuasa untuk menurun atau menaikkan nilai ringgit, kita boleh berbuat demikian sesuka hati. Itu cara salah menguruskan ringgit.

"Kita tidak mempermainkan ringgit dan kita akan tentukan supaya ringgit kekal stabil. Biar kita kehilangan saingan daripada mempermainkan ringgit kerana ia boleh menghilangkan keyakinan rakyat kepada ringgit.

"Apabila rakyat hilang keyakinan kepada ringgit, maka kita akan berdepan masalah besar dan ini lah berlaku di Argentina," katanya selepas majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di Kuala Lumpur, semalam.

Baru-baru ini, Argentina dilapor menurunkan nilai mata wang peso kepada kadar tetap 1.40 berbanding dolar AS daripada kadar pertukaran satu untuk satu yang wujud sejak hampir sedekad dalam usaha mengelak kemelesetan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kepercayaan yang ditunjukkan oleh orang ramai terhadap ringgit membolehkan Malaysia mengawal kadar pertukaran mata wang tempatan itu berbanding mata wang utama yang lain.

Katanya, walau pun peso Argentina ditambah kepada dolar AS seperti mana ringgit, negara itu masih menghadapi masalah kerana kebanyakan rakyatnya lebih sukar menukar peso kepada dolar dan menyimpannya di bank Amerika.

Beliau berkata, apabila Malaysia memulakan dasar tambatan ringgit, ia menghadapi pelbagai kritikan tetapi Argentina sebaliknya menerima pujian menjadi negara pertama menambatkan mata wangnya kepada dolar AS.

"Walaupun dengan kadar mata wang yang ditetapkan, Malaysia tetap berjaya berbanding negara lain yang menerima cadangan untuk mengguna pakai kadar pertukaran bebas.

"Kecuali Korea Selatan, beberapa negara lain yang mengikuti nasihat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan kuasa barat, menghadapi masalah. Dalam hal ini, Malaysia mencontohi China yang mengguna pakai kadar pertukaran tetap dan tidak membenarkan penurunan nilai mata wang renminbi mereka," katanya.

Selain itu, katanya, kewujudan jentera kerajaan yang cekap untuk memantau sistem kewangan dengan baik membantu meningkatkan lagi keyakinan dalam sistem perbankan negara.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berjaya kerana hasil daripada kepercayaan orang ramai dan tidak seperti Argentina yang rakyatnya sendiri tidak mempunyai kepercayaan terhadap mata wang sendiri.

Katanya, di setengah negara jiran kebanyakan hotel lebih suka jika pembayaran dibuat dalam mata wang dolar Amerika daripada mata wang sendiri, tidak seperti Malaysia yang pembayaran sentiasa boleh dibuat dalam ringgit.

"Ketiadaan pasaran gelap untuk menukar ringgit kepada mata wang lain juga mencerminkan kepercayaan orang ramai terhadap ringgit Malaysia," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan mampu memberikan nilai urus niaga sebenar

untuk ringgit memandangkan ia boleh mengutip cukai dalam mata wang sendiri bagi merealisasikan nilai sepenuhnya.

"Bagaimanapun, satu-satunya perkara pelik di Malaysia ialah masalah kita yang mempunyai wang yang banyak tetapi tidak tahu bagaimana untuk membelanjakan wang yang banyak itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, pegawai kerajaan juga perlu mengamalkan langkah kawalan supaya wang tidak dibelanjakan sewenang-wenangnya seperti di sesetengah negara lain.

(END)